

Kerusi Parlimen Putrajaya wujud sebelum pilihan raya

BH - 2 FEB 2002

Kerusi baru itu akan diwujudkan apabila Putrajaya mempunyai sekurang-kurangnya 40,000 pengundi berdaftar

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Jumaat - Putrajaya dijangka mempunyai lebih daripada seorang Ahli Parlimen apabila jumlah penduduknya meningkat kepada 350,000 orang pada masa akan datang, selain mempunyai Datuk Bandar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, buat permulaan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu akan diwakili seorang Ahli Parlimen apa-

yang berdaftar sebagai pemilih. Kawasan pertumbuhan baru adalah antara kriteria bagi SPR menentukan kawasan pilihan raya baru.

Dua lagi kawasan Selangor yang dijadikan Wilayah Persekutuan sebelum ini iaitu Kuala Lumpur dan Labuan mempunyai kerusi Parlimen masing-masing. Apabila Kuala Lumpur dijadikan Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, lima kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor secara automatik ti-

bila kerusi baru diwujudkan menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Akan ada seorang MP (Ahli Parlimen) pada mulanya. Tapi kalau dah penduduknya sampai 350,000 orang, MP kena ada tambahan," katanya selepas majlis pelancaran sambutan ulang tahun pertama Wilayah Persekutuan Putrajaya dan perasmian Souq (bazar) di sini hari ini.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengadakan persempadanan semula kawasan pilihan raya bagi seluruh negara pada tahun ini. Untuk mewujudkan satu kerusi Parlimen, sekurang-kurangnya ada 40,000 pengundi berdaftar.

Setakat ini, penduduk Putrajaya berjumlah kira-kira 20,000 tetapi tidak diketahui berapa ramai

dak wujud lagi.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, tidak ada kerusi DUN akan diwujudkan di kawasan Putrajaya, meskipun ia dijangka mempunyai kira-kira 350,000 penduduk nanti.

Beliau berkata, Putrajaya juga akan mendapat seorang Datuk Bandar apabila penduduk di situ bertambah.

Mengenai perancangan akan datang, Dr Mahathir berharap pusat persidangan antarabangsa di situ siap sebelum mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tahun depan.

Katanya, boulevard dari Masjid Putra ke pusat persidangan sejauh lebih empat kilometer, termasuk bangunan Kementerian Kewangan, Palace of Justice dan pelbagai lagi, dijangka akan siap.

"Kita sedang melaksana-

kan pelan pembangunan untuk Putrajaya dan kita harap ia menjadi tempat yang selesa bagi penduduknya dan juga untuk pelawat kerana banyak taman diwujudkan.

"Saya selalu meninjau kerja-kerja yang dibuat. Saya rasa salah satu kerja kejuruteraan terbesar oleh anak tempatan ialah mereka bentuk bandar ini,"

katanya.

Beliau berkata, Putrajaya juga mempunyai tasik tiruan terbesar sepanjang tujuh kilometer, berbanding tasik tiruan di ibu kota lain di dunia.

Terdahulu, dalam ucapannya Perdana Menteri berkata jika mengenang kembali pembangunan Putrajaya sehingga hari ini, kerajaan tentunya bangga

dan puas walaupun pada peringkat awal, negara sedang menempuh keagwatan ekonomi, politik yang tidak menentu dan tohmahan serta fitnah daripada pihak tertentu kerana kononnya ia membazir.

"Kita berasa yakin dengan kebolehan yang ditunjukkan oleh semua kontraktor, pemaju dan pen-

tadbir yang telah dilantik untuk membangunkan Putrajaya," katanya.

Dr Mahathir berkata, keunikan seni bina yang digabungkan dalam pembinaan Putrajaya bertujuan mempromosikannya sebagai sebuah destinasi pelancongan dalam kalendar sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.